Pengajaran dan pembelajaran Sejarah yang menggunakan perisian multimedia juga dapat menjadi agen membantu hubungan pelajar lebih interaktif dan spontan di dalam kelas (Mohamad Johdi, Ariegusrini, 2009). Selain itu juga, kandungan dan isi pelajaran yang disertai dengan pelbagai soalan yang diajukan di dalam perisian subjek dan melalui talian Internet mampu menerima maklum balas yang tepat dan cepat.





Pelajar dapat mengetahui jika jawapan yang mereka berikan tidak betul, kurang tepat atau salah. Jika salah mereka akan diberi penerangan lanjut dan pertolongan dalam talian turut disediakan. Jika jawapan mereka betul, pujian yang berbentuk motivasi kepada pelajar akan dipaparkan di skrin. Interaksi ini adalah dua hala di antara pelajar dan komputer (Mohamad Johdi & Ariegusrini, 2009). Bahan pengajaran dan pembelajaran Sejarah boleh diprogramkan dalam bentuk multimedia yang disampaikan dengan rajah, data, imej, teks, animasi, bunyi, suara, dan video. Persembahan kandungan pelajaran bentuk multimedia akan membuatkan teks yang dibaca lebih menarik dan menyeronokkan kerana disampaikan dengan bunyi dan animasi. Ini akan membantu pengajaran dan pembelajaran Sejarah lebih bertenaga, meriah, hidup dan berkesan. Penjelasan atau penerangan sesuatu konsep dapat dilakukan dengan mudah melalui kemudahan multimedia. Penggunaan teknologi multimedia dapat membantu alam kehidupan masa lalu, masa kini dan imaginasi akan datang dibawa ke bilik darjah. Ini akan menjadikan pembelajaran lebih realistik. Pelajar-pelajar akan memperoleh gambaran yang lebih jelas terhadap peristiwa yang lalu sebelum hayat mereka. Di samping itu mereka turut mendapat pertambahan perbendaharaan kata yang berkaitan dengan Sejarah (Mohamad Johdi & Ariegusrini, 2009). Penggunaan multimedia akan menjadikan pengajaran menarik, kefahaman meningkat dan penyertaan menyeluruh (Abdul Razaq & Isjoni, 2009). Tumpuan terhadap perisian multimedia seperti bunyi, grafik, rajah, animasi dan gambar berwarna-warni dapat meningkatkan pencapaian kognitif, psikomotor, minat dan perilaku pelajar. Sebahagian perisian kurikulum boleh dimiliki dan disiar-semula demi mengukuhkan kefahaman dan meningkatkan prestasi lebih tinggi. Kecanggihan





ini memudahkan guru untuk mencapai objektif pengajaran di samping merealisasikan objektif pembelajaran seperti dirancang (Mohamad Johdi & Ariegusrini, 2009).

Kajian lain juga mendapati bahawa penggunaan teknologi multimedia telah mendapat maklum balas yang positif daripada pelajar dari pelbagai disiplin ilmu bagi pelbagai peringkat usia. Ianya juga mampu menyokong pembelajaran yang bersifat penyelesaian masalah, membentuk dan menguji hipotesis, penilaian berdasarkan keupayaan serta meningkatkan kreativiti pelajar. Multimedia interaktif juga telah terbukti berkesan dalam membentuk serta mengekalkan maklumat untuk tempoh masa yang panjang dan ianya boleh dicapai kembali dalam masa yang lebih pantas berbanding kaedah pengajaran tradisi. Selain dari itu, penggunaan elemen-elemen multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran juga di dapati mampu menarik minat pelajar supaya mereka tidak merasa bosan dan dapat memberi tumpuan yang sepenuhnya terhadap proses pembelajaran (Jamalluddin & Zaidatun, 2003).

Secara umumnya terdapat pelbagai kosher multimedia pembelajaran Sejarah di luar seperti EduwebTV dan Edudulu Malaysia, namun kesannya masih lagi tidak seragam, ada yang memberi kesan yang sangat positif seperti aplikasi Eksplorasi Cabaran Sejarah (ECS), Inovasi dari Koperasi Sekolah Menengah Teknik Gombak (KSMTG) itu terbukti keberkesanannya apabila tersenarai dalam rekod pencapaian Persidangan Kualiti Antarabangsa (ICQ) di Tokyo, Jepun dengan memenangi Anugerah Emas 2015. ECS ialah perisian pendidikan maya pertama di negara ini untuk mata pelajaran Sejarah meliputi silibus tingkatan empat dan lima Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Aplikasi yang dibangunkan melalui ECS terbukti mampu membantu





proses pembelajaran sama ada dalam kelas atau secara individu melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Perisian permainan interaktif ini dicipta khas menggunakan animasi 3D permainan Monopoli, sistem kuiz, analisis prestasi dan dilengkapi dengan akses ke pangkalan data yang mengandungi lebih 2,000 soalan SPM terkumpul. Ada koswer yang hanya memberi kesan biasa menurut En Zulkifli Bin Zainudin guru mata pelajaran Sejarah SMK Putrajaya Presint 11(2) seperti koswer yang bertajuk Kaedah Pengajaran Sejarah myDOLL terbitan IPGKKT namun secara keseluruhanya koswer multimedia dalam PdP mampu meningkatkan tahap pencapaian (Hasnah, 2012). Lantaran itu kajian akan dijalankan bagi mencari jawapan yang terbaik berkaitan video pembelajaran multimedia yang mampu memberikan impak yang berkesan terhadap peningkatan prestasi pencapaian mata pelajaran Sejarah. Kajian ini juga akan mengkaji sikap pelajar terhadap video pembelajaran Sejarah selepas sesi pembelajaran menggunakan video multimedia yang dihasilkan.

Elemen-elemen multimedia yang lazim digunakan ialah teks, grafik, audio, video, dan animasi. Dalam mata pelajaran Sejarah, imej banyak digunakan sama ada imej foto, ilustrasi ataupun peta (M. Kaviza, Fauziah Abdul Rahim, dan Nurliyana Bukhari, 2018). Hasil tinjauan literatur oleh pengkaji, integrasi audio bersama dengan imej narator dapat mempengaruhi kualiti penyampaian mesej multimedia sebagai contoh pengkaji membuat tinjauan awal dengan membuat tayangan video EduwebTV, namun kajian berkaitan perbezaan kesan penggunaan narator dalam perisian multimedia untuk pengajaran Sejarah masih lagi kurang dilaksanakan. Eksperimen akan dibuat di antara agen pedagogi narasi audio dan teks dan agen pedagogi narasi audio, teks dan imej untuk melihat kesan kedua-dua agen tersebut terhadap prestasi





pelajar. Perbezaan tahap realism imej dalam perisian multimedia juga mempengaruhi prestasi pelajar dalam pembelajaran sejarah. Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan bagi melihat kesan perbezaan tahap realism imej terhadap pencapaian pelajar namun kajian ini hanya untuk melihat kesan imej realism dan tanpa imej tanpa mangambil kira tahap realism imej tersebut (Christopher Lu Wei Wang, 2012).

Transformasi pendidikan melalui pendekatan multimedia seharusnya sudah mula diperkenalkan di Malaysia secara menyeluruh tanpa mengira lokasi luar bandar atau di bandar utama. Menurut Omar (2014) kaedah berkonsepkan pergantungan sepenuhnya terhadap buku teks kini sudah tidak sesuai lagi. Masalah pelajar tidak minat mata pelajaran Sejarah bukan satu perkara baharu malah menjadi satu kebimbangan terutama apabila Kementerian Pelajaran Malaysia meletakkan mata pelajaran ini wajib lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bermula tahun 2013.

Keputusan ini mendapat persepsi negatif oleh pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah, yang wajib lulus kerana mereka belajar bukan berdasarkan minat tetapi hanya sekadar melepas syarat kementerian (KPM, 2013). Faktor ini dilihat menjadi antara halangan proses pembinaan semangat patriotism dan negara bangsa dalam kalangan generasi muda. Selain itu, kegagalan menghayati sejarah secara mendalam juga menyumbang kepada kesan negatif isu identiti. Menurut Omar (2014) berpendapat krisis identiti yang berlaku di kebanyakan negara menyebabkan rakyatnya tidak memahami siapa diri mereka dan apakah peranan dan tanggungjawab yang sepatutnya dimainkan. Ini berikut cabaran dunia tanpa sempadan yang semakin hebat





menyebabkan generasi muda begitu mudah terdedah kepada perubahan dan keterbukaan yang boleh melunturkan kesetiaan terhadap negara dan bangsa. Menurut Omar (2014) pelbagai kajian dilakukan di seluruh dunia mendapati sebahagian rakyat negara tertentu jahil sejarah sehingga menjadi fenomena sosial global yang paling mendapat perhatian sejak akhir ini. Melihat kepada keruncingan itu, dunia mula melihat sejarah sebagai satu medium penting dalam dasar awam untuk menangani permasalahan isu identiti dan memperkasakan perpaduan. Negara-negara Asia seperti Korea Selatan, Hong Kong, Taiwan, China dan Singapura telah ke hadapan dalam transformasi pendidikan sejarah ke arah yang lebih progresif. Malaysia tidak seharusnya ketinggalan untuk menerapkan aspek kemahiran pemikiran sejarah sebagai satu komponen utama dalam proses pembelajaran dan pengajaran di peringkat sekolah.



Bagi menangani permasalahan ini, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang antara lain untuk memperkasakan mata pelajaran yang dilabelkan sebagai membosankan, kaku dan tiada nilai komersial itu. Ahli akademik dan sejarah berharap proses transformasi melalui PPPM itu dapat membantu membina kekuatan jati diri yang unggul dalam kalangan generasi muda dan seterusnya melahirkan warganegara yang mempunyai identiti nasional dan semangat patriotism.

Teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dikatakan antara penyelesaian terbaik menangani kemelut itu. Di sebalik tanggapan ramai pihak bahawa Sejarah adalah mata pelajaran membosankan, hakikat sebenarnya ia amat menarik untuk





diterokai dan dipelajari. Penggunaan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran boleh dilihat dalam dua aspek, iaitu aspek pengajaran oleh guru dan aspek pembelajaran oleh pelajar (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001). Pembangunan TMK akan mempunyai kesan ke atas pengajaran Sejarah. Sebagai contoh keupayaan untuk menghafal maklumat dalam jumlah yang besar akan menyebabkan pelajar bekerja secara aktif dan positif di dalam kelas.

Namun, semua itu bergantung kepada sejauh mana keberkesanannya guru Sejarah dalam penyampaian maklumat, sedangkan mereka masih lagi dengan cara tradisi lama, tidak ada pembaharuan yang akhirnya memberi kesan negatif kepada minat dan motivasi pelajar (Low Gaik See, Chew Leong Woon, dan Mazlina Jamaludin, 2013).

Diharapkan kajian ini sedikit sebanyak dapat mengubah persepsi pelajar terhadap subjek Sejarah dan memberi persepsi positif kepada para guru untuk menggunakan pendekatan baru melalui perisian multimedia sekaligus meninggalkan teknik dan kaedah lama secara berperingkat. Pemindahan maklumat berkonsepkan stereotaip yang diguna pakai selama ini dengan tumpuan hanya kepada buku teks dan hafalan setiap fakta sejarah sudah tidak mampu lagi diterima pelajar.

Penggunaan video pembelajaran perisian multimedia dalam mata pelajaran Sejarah merupakan satu pendekatan positif dalam usaha membantu meningkatkan tahap pencapaian dan minat pelajar dengan lebih mendalam kerana mata pelajaran berkenaan memerlukan gambaran sebenar atau video yang menarik berkaitan peristiwa-peristiwa yang berlaku. Mata pelajaran ini perlu disampaikan menggunakan





teknik dan kaedah yang betul dan moden dan ia sememangnya bersesuaian dengan penggunaan video berbanding dengan pengajaran secara teori dan teks.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Subjek Sejarah merupakan mata pelajaran yang menuntut pelajarnya memahami peristiwa-peristiwa lepas berdasarkan kepada tajuk, tarikh dan siapa yang terlibat. Permasalahan yang ketara ialah rata-rata pelajar tidak menghafal tahun dan tarikh peristiwa, dan gagal mengenali tokoh-tokoh serta watak-watak dalam peristiwa penting sejarah. Hasil kajian-kajian literatur lain yang telah dijalankan, rata-rata pelajar menghadapi masalah dalam pembelajaran sejarah, khususnya daripada segi keupayaan untuk mengingat dan menghafal fakta sejarah seperti peristiwa, tahun dan tarikh (Rohani Mat Salleh, 2012; Badrol Hisham, Ismail, Zaini, dan Abdullah, 2011; Tor dan Geok Hwa, 2004). Sejarah dianggap mata pelajaran yang membosankan, tidak memberi manfaat dan sekadar membuang waktu sahaja. Sejarah dipandang sebahagian orang sebagai masa lampau, lalu dianggap mata pelajaran yang membuang waktu (Anhar Gonggong, 2005). Melalui pemerhatian semasa PdP dalam kelas pula, guru telah mendapati bahawa pelajar ini sebenarnya amat pasif semasa PdP subjek sejarah dijalankan (Tor Geok Hwa, 2004). Mata pelajaran sejarah dipinggirkan dan kesannya, lahirlah generasi muda yang buta sejarah, yang gagal memahami dan menggunakan sejarah untuk membaiki kepincangan-kepincangan yang wujud dalam kehidupan mereka (Anhar Gonggong, 2005). Kaedah pengajaran subjek sejarah secara konvensional adalah antara punca prestasi emosi dan motivasi pelajar menjadi pasif (Lee Bih Ni ,2013).





Penggunaan buku teks dalam pengajaran dan pembelajaran tidak menimbulkan suasana pembelajaran yang menarik. Pelajar akan berasa bosan semasa membaca buku teks kerana isi kandungannya terlalu banyak fakta yang perlu dihafal (Noraizan, 2008). Penggunaan buku teks yang berlebihan menjadikan pengajaran bersifat stereotaip, kurang daya kreatif dan imaginatif. Guru yang terlalu bergantung kepada penggunaan buku teks akan menyebabkan pelajar kurang berminat terhadap pengajarannya kerana sifat buku teks yang statik dan tidak bersifat interaktif. Penggunaan buku teks dengan pengajaran salinan nota menimbulkan kebosanan kepada pelajar mengikut mata pelajaran ini.

Terdapat pelbagai lagi rungutan-rungutan yang dilontarkan pelajar terhadap

mata pelajaran Sejarah, Kaedah memaksa pelajar menghafal fakta yang dipraktik dan diamalkan dalam pengajaran mata pelajaran itu sejak sekian lama menjauhkan lagi pelajar dengan Sejarah. Kajian untuk meningkatkan kemahiran menjawab soalan esei Sejarah yang dilakukan oleh Rozita dan Zaliza, (2005), ke atas 30 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Convent, Jalan Peel telah mengenalpasti beberapa masalah pelajar terhadap mata pelajaran itu. Antaranya sikap para pelajar yang malas membaca, sukar mengingati fakta, tidak berminat dengan mata pelajaran Sejarah, tidak menguasai apa yang diajar serta pembelajaran kurang berkesan. Keadaan ini dikatakan berpunca daripada buku teks yang terlalu menekankan fakta selain kurangnya kemahiran guru untuk menghurai dan mentafsir satu-satu peristiwa sejarah yang berlaku serta memberi gambaran yang jelas peristiwa sebenar. Sementara itu, menurut Wong Seng Yue (2014) pensyarah pengkomputeran dan teknologi maklumat dari Universiti Taylor's dalam kajiannya ke atas 582 pelajar tingkatan empat dan 15





guru Sejarah di lima buah sekolah di Kajang mendapati mereka sukar mengingati fakta sejarah (Wong Seng Yue, 2014). Katanya, apabila penekanan hanya kepada bahan teks semata-mata, ia menyebabkan pelajar tidak mendapat gambaran jelas tentang peristiwa sejarah yang berlaku sekaligus menyukarkan mereka memahami dan menghayatinya. Penekanan wajib lulus subjek Sejarah dalam peperiksaan SPM dilihat satu bentuk paksaan ilmiah terhadap pelajar dalam memastikan pelajar dapat menguasai subjek tersebut, namun disebalik keputusan tersebut bukanlah penyelesaian bagi mengatasi permasalahan minat pelajar dalam menguasai subjek tersebut tetapi hanya sekadar memenuhi syarat yang ditetapkan KPM.

Sehubungan dengan itu, sudah tiba masanya subjek Sejarah ini diberi sentuhan baru daripada segi kaedah penyampaian dan penerimaan pelajar untuk memastikan timbul minat dan keseronokkan pelajar melalui hati mereka sendiri dan secara tidak langsung dapat memudahkan mereka menguasai subjek Sejarah ini. Jawapan yang hampir tepat kepada permasalahan ini ialah penggunaan kaedah yang sesuai melalui garapan koswer multimedia yang sesuai dan menarik emosi dan motivasi mereka untuk penghayatan terhadap subjek Sejarah. Walaupun penggunaan multimedia dalam PdP semakin bertambah, namun kesan penggunaan multimedia masih lagi tidak seragam (ada yang berkesan, ada kurang berkesan) (Bahagian Teknologi Pendidikan, 2016). Pada persepsi pengkaji salah satu faktor mungkin dipengaruhi oleh reka bentuk mesej multimedia yang digabungkan dalam produk atau persembahan video multimedia berkenaan. Elemen multimedia yang lazim digunakan ialah teks, grafik, audio, video dan animasi dalam sejarah, imej banyak digunakan sama ada imej daripada foto sebenar atau pun illustrasi. Tinjauan literatur oleh pangkaji mendapati





kurang kajian yang mengkaji perbezaan kesan imej dan tanpa imej dalam reka bentuk video pembelajaran multimedia.

Selain itu, penggunaan narasi dalam produk multimedia semakin meluas. Dikatakan integrasi audio bersama dengan imej narrator dapat mempengaruhi kualiti penyampaian mesej multimedia, namun kajian berkaitan perbezaan kesan penggunaan narrator dalam perisian multimedia untuk pengajaran sejarah masih lagi kurang dilaksanakan

Menurut Mayer (2009), perisian multimedia hanya memberikan kesan yang optimum terhadap prestasi pembelajaran pelajar apabila ia dihasilkan dengan reka bentuk berpusatkan kepada pelajar. Dalam teori kognitif pembangunan multimedia, Mayer (2009) mencadangkan tiga pendekatan yang boleh digunakan dalam meningkatkan keberkesanan perisian multimedia. Pendekatan berkenaan ialah mengurangkan beban kognitif pelajar semasa menggunakan perisian multimedia, menguruskan sumber kognitif dengan berkesan dan meningkatkan kecekapan penggunaan sumber kognitif pelajar semasa menggunakan perisian multimedia.

Mayer (2009) mencadangkan prinsip imej sebagai salah satu prinsip yang perlu diterapkan dalam perisian multimedia demi untuk meningkatkan kecekapan penggunaan sumber kognitif pelajar semasa menggunakan perisian multimedia. Prinsip imej yang digubal berdasarkan kepada teori ejen sosial dilihat sesuai diterapkan dalam perisian multimedia untuk pembelajaran subjek Sejarah. Ini kerana pengajaran subjek Sejarah banyak berorientasikan kepada penceritaan.





Kajian terdahulu mendapati prinsip imej memberikan kesan yang berbeza dalam pembelajaran dengan perisian multimedia. Sejajar dengan itu Mayer (2009) mencadangkan kajian lebih mendalam dilakukan terhadap aplikasi prinsip imej dalam perisian multimedia.

#### 1.4 Objektif Kajian

Secara kesimpulan, merujuk kepada perbincangan yang telah dijalankan, kajian ini akan melihat kesan perbezaan prinsip imej dalam video perisian multimedia terhadap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. Pencapaian pelajar akan diukur melalui ujian pra dan ujian pos, manakala pembolehubah lain akan diukur dengan menggunakan soal selidik.

Objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mereka bentuk dan membangunkan video pembelajaran Sejarah.
2. Mengenal pasti sikap pelajar terhadap penggunaan video dalam PdP Sejarah.
3. Mengenal pasti kesan penggunaan imej dalam video multimedia.





## 1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada kerangka konseptual kajian, maka persoalan kajian yang cuba dijawab dalam kajian ini adalah :-

1. Apakah tahap penerimaan pelajar terhadap video dalam PdP Sejarah.
2. Apakah wujud perbezaan prestasi antara video bergambar dengan video tanpa gambar.

## 1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan kepada persoalan kajian, hipotesis yang akan diuji dalam kajian ini adalah:



Ho1: Wujud perbezaan antara kumpulan yang menerima rawatan dengan video bergambar dan video tidak mengandungi gambar.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Sehingga kini, terdapat beberapa kajian yang berkaitan dengan multimedia sebagai alat bantu mengajar (BBM) dilaksanakan sama ada di dalam negara maupun di luar negara. Kajian-kajian sebegini dijangka dapat meningkatkan teknik pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Hal ini bertujuan meningkatkan mutu dan kualiti pengajaran guru bagi melahirkan pelajar yang mahir dalam mata pelajaran yang dipelajari. Kajian tentang penggunaan video perisian multimedia mempunyai





beberapa kepentingan terhadap guru, pelajar dan KPM. Kajian ini diharap dapat membantu guru dan pelajar dalam memastikan PdP berjalan dengan baik. Hasil kajian ini, penyelidik berharap dapat memberi manfaat kepada peningkatan prestasi bagi mata pelajaran Sejarah di seluruh negara. Secara khusus hasil kajian ini dijangka dapat menyumbang kepada:

1. Meningkatkan minat dan pencapaian pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah.
2. Mendapat panduan reka bentuk multimedia yang melibatkan penggunaan grafik dalam pembelajaran.
3. Mendapat panduan tahap kesan imej dalam PdP Sejarah.
4. Mengatasi masalah kebosanan dan sikap pasif pelajar semasa PdP Sejarah.
5. Membantu para pendidik(guru) mendapat method yang terbaik bagi mengatasi masalah prestasi dan pencapaian yang lemah.
6. Membantu KPM dalam mencari kaedah pengajaran dan method yang sesuai untuk diguna pakai di peringkat sekolah sekaligus dapat membantu melahirkan pelajar yang celik subjek Sejarah.

## 1.8 Skop Kajian / Limitasi Kajian





Kajian ini hanya melihat kaedah pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Kaedah pengajaran ini melibatkan penggunaan multimedia iaitu penggunaan video pembelajaran. Video pembelajaran yang dimaksudkan dalam kajian ini merujuk kepada satu model pengajaran berdasarkan sukanan pelajaran yang telah ditetapkan.

Skop kajian ini adalah terbatas kepada sampel dan pembolehubah kajian yang digunakan dalam ini. Sampel kajian terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan 5, SMK Putrajaya Presint 11(2) lelaki dan perempuan yang dipilih secara rawak. Subjek yang dipilih ialah mata pelajaran Sejarah tingkatan 5, tema nasionalisma di Malaysia sehingga perang dunia kedua. Kajian ini menggunakan Teori Pembelajaran Multimedia Mayer (2009). Mod persempahan bagi kajian ini adalah video perisian multimedia dengan kawalan sistem. Pembahagian sampel dipecahkan kepada dua kelas iaitu satu kelas kawalan dan satu kelas rawatan, manakala bilangan pelajar ditetapkan kepada 60 orang terdiri daripada pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

### 1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji perbezaan kesan prinsip imej terhadap prestasi pembelajaran pelajar dalam mata pelajaran Sejarah.


Kerangka konseptual kajian ini adalah berpandukan kepada Teori Pembelajaran Multimedia Mayer (2009). Berdasarkan kepada Teori Pembelajaran





Multimedia Mayer (2009), dan Teori Pembelajaran Konstruktivisme Kognitif Piaget (1980).

Secara umumnya pembelajaran melalui teori multimedia Mayer membincangkan hubung kait ‘dual coding’ yang terdiri daripada tiga sistem memori iaitu memori sensori, memori kerja, dan memori jangka panjang. Pembelajaran teori ini menyalurkan maklumat kepada dua komponen, iaitu saluran verbal dan saluran visual. Model teori kognitif pembelajaran melalui multimedia Mayer adalah seperti dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1. Model Teori Kognitif Pembelajaran Melalui Multimedia Mayer (Sumber : Mayer, 2001).

Teori pembelajaran konstruktivisme yang dijalankan melalui penggunaan teknologi multimedia, dilihat mampu mencetus inovasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran di mana guru hanya bertindak sebagai fasilitator atau pengurus manakala murid bebas berinteraksi dengan murid lain dan guru dan sekaligus memupuk semangat kerjasama antara individu dan kumpulan melalui aktiviti koperatif. Secara tidak langsung pendekatan ini menggalakkan pembelajaran aktif






berlaku dalam kalangan pelajar terutamanya semasa proses penerokaan sesuatu perisian multimedia. Koswer multimedia ini berpotensi membantu pelajar menguasai pembelajaran tanpa rasa bosan dan mampu membantu pelajar belajar secara kendiri dan aktif di mana-mana sahaja mengikut kehendak dan keselesaan mereka.

Satu kerangka konseptual berikut di cadangkan dalam kajian ini.

#### Eksperimen : Kesan Prinsip Imej Terhadap Pencapaian Pelajar



Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan kerangka konseptual yang dibina ini, pembelajaran menggunakan koswer multimedia amat sesuai digabungkan dengan pendekatan teori konstruktivisme (Jurnal Teknologi, 2002). Kaedah ini akan menjadikan pembelajaran di dalam kelas lebih aktif dan pelajar bebas mempelajari secara kendiri tanpa bergantung kepada guru sepenuhnya. Guru hanya bertindak sebagai fasilitator dan pendekatan tradisional akan berjaya diatasi sekaligus masalah bosan dan pasif akan diatasi.





## 1.9 Definisi Operasional

### a. Video

Video merupakan perantaraan elektronik untuk rakaman, menyalin dan penyiaran bergerak.

### b. Imej

Imej merupakan gambar sebenar yang dihasilkan melalui proses tindakan cahaya.

Pola-pola cahaya yang dipanculkan atau dipancarkan oleh objek-objek dirakamkan pada perantaraan peka atau cip storan melalui pendedahan tempoh tertentu. proses ini dilaksanakan melalui peranti-peranti mekanik, kimia atau digit yang dikenali sebagai kamera.

### c. Prestasi Dan Pencapaian

Proses yang dilakukan untuk menilai dan membuat keputusan tentang prestasi perisian komputer, apa yg telah dicapai dan melihat hasil yang telah diperoleh.

### d. Sikap

Sikap ialah perbuatan atau pandangan yg berdasarkan sesuatu pendapat dan fikiran.





e. Pengajaran dan pembelajaran

Menurut Omardin (1997), pengajaran adalah merupakan aktiviti yang rumit dan melibatkan penggunaan berbagai-bagai bentuk dan jenis kemahiran. Ianya juga melibatkan perhubungan antara guru dan pelajar dan juga pelajar bersama pelajar.

Menurut Baharuddin et. al (2001), pembelajaran adalah perubahan tingkahlaku yang berlaku kepada pelajar akibat daripada berinteraksi dengan persekitaran. Secara umumnya pembelajaran diertikan sebagai proses dengan kaedah-kaedah tertentu sehingga orang memperoleh pengetahuan, pemahaman dan cara bertingkahlaku yang sesuai dengan keperluan.



Berkaitan dengan penggunaan pelbagai jenis media seperti slaid atau televisyen, terutamanya dalam membuat persembahan, mengajar, menunjuk cara berkaitan dgn produk, program yang melibatkan penggunaan grafik, filem dan bunyi untuk menyampaikan sesuatu maklumat melalui sistem komputer yang menggabungkan suara, animasi, grafik, teks dan video.

g. Penggunaan

Penggunaan merujuk kepada perihal yang berkaitan perubahan, kegiatan menggunakan sesuatu ( Kamus Dewan, 2010). Dari sudut penggunaan akar kata “Peng- guna- an” iaitu guna merujuk kepada manfaat, faedah. Manakala imbuhan





apitan “peng” dan “an” merujuk kepada menggunakan sebagai. Oleh itu secara maknanya penggunaan merujuk kepada menggunakan atau memanfaatkan.

## 1.10 Kesimpulan

Reka bentuk dan pembangunan perisian multimedia dilihat mampu membantu meningkatkan penguasaan sesuatu ilmu yang ingin disampaikan, namun sejauh manakah perisian multimedia yang sedia ada mampu mengatasi permasalahan penguasaan sesuatu disiplin ilmu. Hal ini terbukt melalui beberapa kajian sedia ada menunjukkan bahawa penggunaan elemen multimedia seperti animasi yang dinamik

adalah lebih baik berbanding pembelajaran yang dijalankan secara konvensional. Oleh yang demikian, kajian yang akan dijalankan ini akan mengkaji bentuk video koswer multimedia yang berkesan dapat meningkatkan prestasi, minat dan emosi pelajar melalui prinsip imej dan boleh dikendalikan dengan mudah. Bagi mendapatkan hasil kajian yang benar-benar berkesan, dua bentuk eksperimen akan dijalankan dan dapatan hasil akan dinilai selepas sampel kajian melaui proses ujian pra dan ujian pos.

